

# Buat kerja luar jangjan jejas produktiviti: PM

BH - 5/6/2007

## Kakitangan kerajaan diingot berpada-pada cari rezeki tambahan

Oleh Wan Hazmir Bakar

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan kakitangan awam peringkat rendah yang terpaksa melakukan kerja sampingan untuk menyara keluarga yang besar supaya berpada-pada bagi memastikan produktiviti kerja rasmi mereka tidak terjejas.

Sambil menyatakan rasa hormat terhadap kegigihan mereka terbabit mencari rezeki halal, Perdana Menteri berkata, atas alasan itulah kerajaan memberi peratusan peningkatan gaji yang lebih tinggi kepada kakitangan peringkat rendah supaya mereka tidak perlu lagi melakukan kerja sampingan.

"Saya tahu ada anggota kerajaan berpangkat rendah terpaksa kerja sambilan, terutama yang ada anak ramai sikit. Mereka terpaksa bekerja malam jual nasi lemak, pisang goreng, cucur badak, semuanya kerana nak mencari pendapatan yang halal.

"Saya percaya dengan keadaan ini (kenaikan gaji) akan dapat dikurangkan kegiatan itu. Kalau bekerja sampai lewat malam, tentulah keletihan. Esok nak bangun pagi nak pergi kerja pula, kerja yang rasmi. Ini sedikit sebanyak mungkin akan menjejaskan produktiviti, katanya berucap pada pada majlis perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana di sini semalam.

Hadir sama Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan.

Bulan lalu, Perdana Menteri mengumumkan lebih sejuta kakitangan awam akan menikmati kenaikan gaji diantara 7.5 hingga 35 peratus, manakala kadar Bantuan Sara Hidup atau Cola dinaikkan 100 peratus, berkuat kuasa 1 Julai ini.

Cuepacs dalam memorandum memohon kenaikan gaji perkhidmatan awam kepada Perdana Menteri pada Januari lalu, antara lain menyatakan ramai kakitangan peringkat rendah terpaksa melakukan kerja sampingan seperti memandu teksi dan bekerja di stesen minyak bagi me-

nampung kos kehidupan yang semakin meningkat.

Abdullah juga menasihatkan kakitangan awam supaya bersungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab masing-masing dan menjayakan hasrat kerajaan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian demi kesejahteraan rakyat kerana mereka juga pengguna perkhidmatan awam walaupun berpangkat besar.

Katanya, beliau sendiri menerima aduan daripada beberapa pegawai tinggi kerajaan berhubung kelewatan kelulusan terhadap permohonan mereka seperti pertukaran sekolah anak dan hak milik tanah pusaka kerana perkhidmatan yang diberikan jabatan berkenaan masih tidak cekap.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menasihatkan kakitangan awam supaya pandai mengurus belanjawan peribadi apabila mendapat kenaikan gaji itu supaya tidak timbul masalah kewangan kelak kerana boros berbelanja.

Abdullah juga mengingatkan kakitangan awam supaya terbabit sama dalam aspek penyelenggaraan kemudahan yang disediakan kerajaan bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas selain memberi perhatian kepada kebersihan.

Merujuk beberapa kejadian memalukan yang menjejaskan bangunan ibu pejabat beberapa jabatan kerajaan bulan lalu, Perdana Menteri berkata, kakitangan awam tidak

boleh bersikap lepas tangan hanya kerana harta benda itu milik kerajaan.

Sementara itu, Abdullah menegur kakitangan awam yang masih tidak menghafal dan menyanyikan lagu *Cemerlang, Gemilang, Terbilang* kerana senikatanya mengandungi mesej penting untuk menjayakan Misi Nasional.

Berucap pada majlis perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana di sini semalam, Perdana Menteri berkata, *Cemerlang, Gemilang, Terbilang* sepatutnya dihayati kerana ia adalah peringatan bagi mencapai kejayaan lebih besar untuk bangsa dan negara.

"Nyanyian (lagu ini) bukan haram, bukan ditegah, cogan kata (seni kata) bukan yang kotor. Ini sebagai peringatan kepada kita secara menggembirakan supaya kita dapat menghayati seni katanya yang memang sangat bererti kepada kita, bukanlah satu perkara yang kita anggap sebagai tidak ada kebaikan langsung kepada kita.

"Lagu ini pun sudah jadi Misi Nasional kita yang (perlu dilaksanakan) dengan tekad dan kesungguhan...Naik bukit, turun lurah, menghadapi apa juga cabaran supaya akhirnya mencapai kemegahan kepada bangsa dan negara supaya kita cemerlang, gemilang dan terbilang," katanya dalam nada agak sayu pada permulaan ucapannya itu.

### FAKTA NOMBOR

Sektor awam

**RM1,024**

Pendapatan terendah

**RM6.8b**

Belanja tahunan gaji

**RM1.2b**

Belanja tahunan Cola